



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DAN ZIKA DI MALAYSIA

(Bagi Minggu 02/2017 dari 8 hingga 14 Januari 2017)

Pada minggu kedua tahun 2017, iaitu bagi tempoh dari 8 hingga 14 Januari 2017, sebanyak 1,876 kes Demam Denggi telah dilaporkan berbanding 1,663 kes pada minggu sebelumnya, iaitu berlaku peningkatan sebanyak 213 kes (12.8%). Terdapat sepuluh (10) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Negeri Sembilan (117%), Perlis (100%), Kedah (82.4%), Terengganu (42.9%), Pulau Pinang (24.3%), Selangor (20.6%), Sarawak (17.1%), Pahang (13.1%), Kelantan (13%) dan Perak (0.9%). Jumlah kumulatif kes yang dilaporkan dari 1 Januari sehingga 14 Januari 2017 adalah sebanyak 3,539 kes, berbanding 6,837 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 48.2% (3,298 kes).


Terdapat lima (5) kes kematian dilaporkan dari 8 hingga 14 Januari 2017. Jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga 14 Januari 2017 adalah sebanyak 7 kematian, berbanding 14 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, pengurangan sebanyak 7 kematian (50%).

Semua pihak terutamanya masyarakat perlu memandang serius mengenai peningkatan kes Demam Denggi. Langkah pencegahan melalui menghapuskan tempat pembiakan Aeðes dengan meluangkan masa hanya 10 minit seminggu untuk memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan Aeðes hendaklah dipraktikkan oleh masyarakat di sekitar kawasan kediaman mereka. Perhatian perlu diberikan kepada kebersihan kawasan persekitaran supaya bebas dari sebarang sampah sarap yang boleh menjadi tempat

nyamuk membiak. Selain itu, dapatkan rawatan awal sekiranya anda mengalami demam.

Menurut laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 5 Januari 2017, terdapat sebanyak 75 buah negara yang melaporkan jangkitan virus Zika. Di Malaysia, terdapat sebanyak lapan (8) kes disahkan positif jangkitan virus Zika yang telah dilaporkan sepanjang tempoh dari 1 September 2016 sehingga 31 Disember 2016. Pemantauan sistem surveyan virus Zika oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari 1 Januari sehingga 14 Januari 2017, mendapati keputusan ujian bagi 43 sampel darah dan air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



Januari 2017

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 02/2017
(08 hingga 14 Januari 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 02/2017		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 02/2016	
		Minggu 02 (08 Jan – 014 Jan 2017)		Minggu 01 (01 Jan – 07 Jan 2016)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	2	0	1	0	3	0	24	0
2	Kedah	31	0	17	0	48	0	60	0
3	P. Pinang	46	0	37	0	83	0	344	2
4	Perak	109	1	108	1	217	2	263	0
5	Selangor	1,012	2	839	0	1,851	2	3,358	6
6	WP KL & Putrajaya	146	0	152	0	298	0	483	1
7	N. Sembilan	87	0	40	1	127	1	229	2
8	Melaka	37	0	64	0	101	0	146	0
9	Johor	133	1	154	0	287	1	1,092	0
10	Pahang	69	0	61	0	130	0	182	0
11	Terengganu	10	0	7	0	17	0	266	3
12	Kelantan	104	0	92	0	196	0	124	0
13	Sarawak	41	0	35	0	76	0	60	0
14	Sabah	49	1	56	0	105	1	206	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	1,876	5	1,663	2	3,539	7	6,837	14

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan